

DUOTRIC FILM COATED TABLET

Cimetidine (200mg, 400mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Duotric
2. Bagaimana Doutric berfungsi
3. Sebelum menggunakan Doutric
4. Cara menggunakan Doutric
5. Semasa menggunakan Doutric
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Doutric
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Doutric

Doutric digunakan untuk

- Rawatan ulser di bahagian pangkal usus (ulser duodenum).
- Mencegah ulser duodenum dan ulser duodenum berulang.
- Rawatan refluks (pengaliran balik) asid ke dalam saluran pemakanan.
- Rawatan bagi penghasilan gastrik asid berlebihan seperti sindrom Zollinger-Ellison.

Bagaimana Doutric berfungsi

Doutric mengandungi cimetidine. Cimetidine adalah tergolong dalam kumpulan ubat antagonis reseptor H₂, yang bertindak mengurangkan pengeluaran asid.

Sebelum menggunakan Doutric

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Duotric jika anda alah kepada cimetidine atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.

- Sebelum menggunakan Duotric

Beritahu doktor jika anda:

- Mempunyai sejarah ulser pada perut, usus dan saluran pemakanan.
- Hamil atau menyusukan bayi kerana cimetidine dirembeskan dalam susu ibu.
- Mempunyai penyakit hati atau buah pinggang.
- Mempunyai masalah fungsi otak.
- Mengalami kanser perut.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain seperti:

- Warfarin (digunakan untuk merawat pembekuan darah)
- Phenytoin (digunakan untuk merawat sawan).
- Propranolol, nifedipine (digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi).
- Chlordiazepoxide, diazepam (digunakan untuk merawat keresahan dan kesan pemberhentian pengambilan alkohol).
- Anti-kemurungan *tricyclic* tertentu.
- Lidocaine (digunakan untuk mengurangkan kesakitan atau ketidakselesaan semasa prosedur perubatan).
- Theophylline (digunakan untuk merawat penyakit paru-paru).
- Metronidazole (antibiotik).
- Sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Doutric

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk rawatan ulser duodenum dan gastrik:

800mg sebelum tidur untuk sekurang-kurangnya 4 minggu (6 minggu untuk ulser gastrik).

Pencegahan ulser berulang:

400mg boleh diberikan sebelum tidur atau dua dos diberikan pada pagi dan sebelum tidur.

Penyakit refluks asid termasuk keadaan pedih ulu hati dan ketidakhadaman:

400mg empat kali sehari selepas makan dan sebelum tidur, untuk 4 hingga 8 minggu.

Sindrom Zollinger-Ellison dan masalah pengeluaran asid perut berlebihan:

Dos harus disesuaikan dengan keperluan seseorang. Dos dicadangkan: 400mg empat kali sehari, dinaikkan secara berperingkat kepada jumlah 2.4g sehari.

Untuk kanak-kanak lebih 1 tahun, 25-30 mg/kg sehari di dalam beberapa dos.

Pelarasan dos pada individu yang mempunyai masalah buah pinggang dan hati:

Dos harus dikurangkan pada orang yang mengalami masalah buah pinggang. Untuk orang yang mempunyai penyakit hati, dos biasa boleh digunakan.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Sentiasa ambil Doutric mengikut arahan doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Doutric selama yang doktor anda cadangkan.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya mengikut jadual yang ditetapkan. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Kesan sampingan sementara akan dialami jika anda mengambil terlalu banyak Duotric.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Doutric

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Doutric mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Doutric.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat melainkan dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan mengambil ubat baru tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Doutric kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera
Ubat ini boleh mempengaruhi kemampuan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin. Sekiranya ubat ini membuatkan anda berasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan mesin dan segera hubungi doktor anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Doutric boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Berhenti mengambil ubat dan beritahu doktor anda dengan segera sekiranya anda mengalami sebarang kesan sampingan. Kesan sampingan yang dilaporkan adalah cirit-birit, sakit otot, pening, ruam kulit, keletihan dan pembesaran payudara pada lelaki. Kerosakan hati dan kekeliruan pada orang tua atau mereka yang mengalami kegagalan buah pinggang telah berlaku tetapi ia akan pulih apabila rawatan dihentikan..

Penapis buah pinggang (tubul) menjadi bengkak, radang pankreas, penurunan platelet, sel darah putih,

atau sel darah merah, sakit otot, sakit sendi, denyutan jantung perlahan dan tidak teratur telah dilaporkan. Mati pucuk juga telah dilaporkan tetapi jarang berlaku. Semua kesan sampingan ini akan pulih selepas rawatan dihentikan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Doutric

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C dan, lindungi daripada cahaya.

Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Doutric Film Coated Tablet 200mg

Tablet salutan filem berwarna hijau muda, berbentuk bulat, dwicembung, dengan garisan tengah pada satu permukaan.

Doutric Film Coated Tablet 400mg

Tablet salutan filem berwarna hijau muda, berbentuk bujur, dwicembung, tablet dengan tertera "ASP-400" pada satu permukaan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Cimetidine

- Bahan tidak aktif

Povidine, Talcum, Colloidal Silicon Dioxide, Polyethylene Glycol 6000, lactose Monohydrate, Titanium Dioxide, Isopropyl Alcohol, Sodium

Starch Glycolate, kinglake Sunset Yellow, Kinglake Brilliant Blue, Hydroxypropyl Methylcellulose, Acetone, Magnesium Stearate, purified water, Tapioca Starch.

- Nombor MAL

Doutric Film Coated Tablet 200mg

MAL19940541AZ

Doutric Film Coated Tablet 400mg

MAL19950090AZ

Pengilang

Asian Pharmaceutical Ltd.
Part 199 Tiwanon Road, Bangkadee, Pathumtani, Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

Milrin Pharmaceutical Co. (M) Sdn Bhd.

198101003993 (75456-P)
125-L, 5th Floor, Wisma Getah,
Jalan Macalister, 10400
Georgetown,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

04/06/2021

Nombor Siri

NPRA(R4/1)020621/00033
MYP032RM(00)